



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRUKTUR PERBUALAN DALAM FILEM ANAK
BAPAK***

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

FBMK 2015 100



**STRUKTUR PERBUALAN DALAM FILEM ANAK
BAPAK**

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH



**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2015



STRUKTUR PERBUALAN DALAM FILEM ANAK BAPAK

Oleh

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Dedikasi

Buat Imamku yang sentiasa bersabar dengan perjuangan fisabilillahku,

Mohd Daud Ibrahim.

Buat insan yang memikul amanah Allah S.W.T selama sembilan bulan,

Nik Rossilawati Nik cob.

Buat insan yang membanting keringat buat bekalanku menuntut ilmu,

Che Soh Che Abdullah.

Untuk penghibur hati dikala suka dan duka,

Noor Afiqah Che Soh,

Nor Anis Adillah Che Soh,

Sahabat seperjuangan.

Jutaan terima kasih yang tak terhingga buat insan yang amat memahami

jerit payah seorang insan yang masih

Mencari....

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera.

STRUKTUR PERBUALAN DALAM FILEM ANAK BAPAK

Oleh

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

Januari 2015

Pengerusi : Profesor Madya Che Ibrahim Salleh, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Perbualan merupakan peristiwa bahasa yang berlaku dalam masyarakat sama ada secara semula jadi atau dirancang. Antara unsur yang mempengaruhi sesuatu peristiwa bahasa itu ialah suasana, latar belakang penutur, sistem panggilan, intonasi dan konteks makna yang melatari perbualan tersebut. Dengan menggunakan perbualan watak dalam filem *Anak Bapak* pada tahun 1968, objektif kajian ini akan membincangkan struktur perbualan yang berlaku dalam filem *Anak Bapak*. Secara kebiasaan penonton beranggapan perbualan yang berlaku dalam filem *Anak Bapak* berdasarkan kepada skrip yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, kebolehan dan keupayaan barisan pelakon dalam filem tersebut dalam mengujarkan dialog secara spontan sehingga sesuatu perbualan itu tampak semula jadi juga tidak dapat dinafikan. Hal ini kerana, perbualan merupakan suatu peristiwa bahasa yang semula jadi di mana terakam sosiobudaya masyarakat penuturnya. Analisis dibuat berdasarkan pendekatan struktur perbualan yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (2010). Sementara itu, kajian berkenaan perbualan daripada ahli bahasa lain seperti Tsuda (1980), Don H. Zimmerman (1992), Schiffriin (1994), Adrian Akmaijan (1997) dan Idris Aman (2010) akan dimanfaatkan dalam perbincangan. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kajian kepustakaan, pemerhatian audio dan teks dan analisis teks. Dapatkan kajian menunjukkan setiap perbualan itu mempunyai strukturnya daripada pembuka sehingga penutup perbualan. Perbualan dalam filem P.Ramlee menggunakan bahasa pertuturan masyarakat sehari-hari seperti mana perbualan yang berlaku dalam filem *Anak Bapak*. Oleh sebab itu, sebahagian besar filemnya diterima baik oleh segenap lapisan masyarakat dan dalam masa yang sama penggunaan bahasanya melambangkan kehalusan dalam berbicara. Walaupun filem yang dipaparkan adalah untuk tontonan, namun bahasa yang semula jadi ini sebenarnya amat bermanfaat bagi kajian linguistik yang tepat. Dengan adanya kajian sebegini, bahasa dalam filem dapat ditingkatkan mutunya dan dalam masa yang

sama kajian linguistik, yang memberi tumpuan kepada bahasa yang dituturkan oleh penuturnya boleh ditambah baik di masa hadapan.



Abstract of thesis to the Senate of Universiti Putra Malaysia fulfillment of the
requirement for the degree of Master of Arts

STRUCTURE CONVERSATION IN FILM ANAK BAPAK

By

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

January 2015

Chairman : Associate Professor Che Ibrahim Salleh, PhD

Faculty : Modern Language and Communication.

Conversation is one speech act which occurred in society whether naturally or planned. Speech act does not just involve the main medium which is language but also emphasize elements outside the language that influenced a conversation. Elements that influenced the speech act are situation, speaker background, address system/pronouns, intonation and contexts. This study will discuss the conversation between the character in the films *Anak Bapak* which was produced in 1986. Nevertheless, some of the conversation uttered by the characters were spontaneous. Conversation in P.Ramlee directed films depicts the Malay community social culture. The analysis is based on the conceptual structure of the conversation presented by Asmah Haji Omar (2010). In addition, studies from other linguists Tsuda (1980), Don H. Zimmerman (1992), Schiffrin (1994), Adrian Akmaiyan (1997) and Idris Aman (2010) will also be used in the discussion. The results of the studies shows that each conversation has proper language structure used in the films. In additions, P.Ramlee also embedded the everyday language used by people on the streets. Therefore, most of the films were well received by all communities because the language used represent reality. Though films are just for entertainment, their used of everyday language makes the study of language accurate and precise. Quality of language in films can be improved though studies such as this, beside in proving further qualities linguistic research in the subject.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T, Pemilik sekian alam,
Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah S.A.W,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana memudahkan penulisan ini sehingga menemui noktah akhirnya. Sokongan dan dorongan penyelia, pensyarah serta sahabat seperjuangan yang memotivasi lagi usaha menyempurnakan kajian ilmiah ini. Berbekalkan ilmu dan tunjuk ajar daripada penyelia dan pensyarah memberi pencerahan dan memandu ke arah penulisan yang lebih baik. Perkongsian serta pertukaran pendapat daripada sahabat seperjuangan juga menjana penghasilan idea untuk dimanfaatkan dalam penulisan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga amat menghargai ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh selaku penyelia tesis dan Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif selaku ahli jawatankuasa penyelia tesis. Pandangan dan dorongan yang diberikan bukan sahaja bermanfaat bagi kajian ini malah akan disemat di ingatan sebagai pedoman di hari kemudian.

Sekalung penghargaan buat Arkib Negara, Memorial Tunku Abdul Rahman dan Memorial P.Ramlee yang sedia menyumbangkan skrip filem *Anak Bapak* (1968) sebagai data kajian.

Semoga usaha dalam menghasilkan kajian ini dapat menyumbang kepada dunia bahasa. Moga keberkatan Ilahi diperoleh dan mogakajian ini menjadi manfaat bersama.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Ibrahim Salleh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Definisi Operasional	8
1.6.1 Struktur Perbualan	8
1.6.2 Filem	9
2 SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian Perbualan dalam Wacana	11
2.2.1 Kajian Wacana dalam Perbualan Lisan	12
2.2.2 Kajian Wacana dalam Teks	17
2.3 Kajian dalam Filem	24
2.3.1 Kajian Makna dalam Filem	24
2.3.2 Kajian Genre dalam Filem	27
2.3.3 Kajian Poster Filem	30
2.4 Kajian Persepsi terhadap Filem P.Ramlee	31
2.5 Kesimpulan	34
3 METODOLOGI	36
3.1 Pengenalan	36

3.2 Reka bentuk kajian	36
3.3 Kerangka teori	37
3.3.1 Tatatingkat struktur perbualan	40
3.3.1.1 Pembuka	41
3.3.1.2 Pengenalan Pemeran	43
3.3.1.3 Pernyataan Tujuan	43
3.3.1.4 Tanya Jawab	44
3.3.1.5 Pra penutup	45
3.3.1.6 Penutup	45
3.4 Kerangka Konsepsi	46
3.5 Kaedah Kajian	47
3.6 Penganalisisan Data	48
3.7 Kesimpulan	48
4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	50
4.1 Pengenalan	50
4.2 Dapatan dan Perbincangan Struktur Perbualan dalam Filem <i>Anak Bapak</i>	50
4.2.1 Pembuka	50
4.2.2 Pengenalan Pemeran	56
4.2.3 Pernyataan Tujuan	61
4.2.4 Tanya jawab	66
4.2.4.1 Pertanyaan Tertutup	67
4.2.4.2 Pertanyaan Terbuka	78
4.2.4.3 Penggunaan Ayat Tanya Keratan	85
4.2.5 Prapenutup	88
4.2.6 Penutup	91
4.3 Kesimpulan	106
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	108
5.1 Pengenalan	108

5.2 Rumusan	109
5.3 Cadangan	110
5.4 Kesan Kajian	111
5.5 Penutup	111
BIBLIOGRAFI	113
LAMPIRAN	117
Teks Skrip Filem <i>Anak Bapak</i>	117
Skrip Filem Anak Bapak	149
BIODATA PELAJAR	202
SENARAI PENERBITAN	203

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Tatatingkat Wacana dalam Bilik Darjah	22
2.2	Hubung Kait Wacana dengan Tatabahasa	23
2.3	Transaksi Hubung Kait Wacana dengan Tatabahasa	23
2.4	Proses Menentukan Makna Ujaran	25
3.1	Unit Perbualan dalam Jual Beli	38
3.2	Unit Struktur Perbualan dalam Panggilan Kecemasan	39
3.3	Kerangka Struktur Perbualan	40
3.4	Struktur Perbualan	41
3.5	Kerangka Konsepsi	46

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perbualan merupakan peristiwa bahasa yang melibatkan dua individu atau lebih dalam menyampaikan sesuatu, bertanya jawab serta menyatakan persetujuan atau menafikan. Perbuatan bercakap atau berhubung antara dua individu atau lebih ini, menggunakan bahasa sebagai alat perhubungan. Penggunaan bahasa dalam perbualan sebagai medium utama serta disusuli dengan unsur lain seperti gerak tangan dan mimik muka. Secara lumrahnya, manusia akan berhubung melalui perbualan apabila ingin menyampaikan sesuatu dalam bentuk berhujah, memberitahu, bercerita dan menyatakan.

Tanpa penutur dan pendengar menyedari perbualan yang mereka lakukan untuk berhubung antara satu sama lain akhirnya membentuk satu struktur perbualan. Struktur perbualan ini yang menjadikan sesebuah perbualan itu mempunyai turutan yang tertentu. Walaupun ada perbualan yang tidak mengikut struktur perbualan tersebut, namun sesebuah perbualan itu tidak mengetepikan hampir kesemua unit yang membina sesebuah perbualan. Hal ini kerana sebuah perbualan itu terbina secara semula jadi, dan dalam masa yang sama membentuk satu kesinambungan makna antara maklumat yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar.

Perbualan juga merupakan satu ujaran atau kesatuan yang terbentuk dan mempunyai hubungan logik yang menunjukkan adanya keteraturan fikiran. Kajian perbualan ingin melihat sejauh mana struktur perbualan tersebut terangka dalam perbualan tanpa disedari. Struktur perbualan yang terbina daripada perbualan yang berlangsung menunjukkan suatu perbualan itu tidak berlaku secara bercampur aduk. Keteraturan fikiran atau hubungan logik dalam perbualan tersebut yang memudahkan pengaliran idea antara pemeran.

Selain itu, situasi dan keadaan dalam sesebuah perbualan juga turut diambil kira kerana mencerminkan tautan makna yang membina sesebuah perbualan. Perbualan juga merupakan peristiwa bahasa yang berlaku antara penutur dengan pendengar dalam perhubungan sosial yang melibatkan situasi. Berdasarkan medium perantara inilah wujudnya kesalingfahaman antara penutur dengan pendengar menunjukkan sesuatu perbualan itu mesti mempunyai hubung kait dan saling melengkapi. Kesinambungan unit yang membina sesebuah perbualan akan membentuk satu kesatuan yang bermakna.

Bentuk perbualan masyarakat yang terdiri daripada penutur dan pendengar yang secara tidak langsung akan melibatkan tanya jawab antara penutur dengan pendengar.

Perbualan dalam masyarakat bersifat realiti dan benar-benar berlaku berbanding dengan bentuk bahasa tulisan yang mengenepikan aspek intonasi, gerak tangan dan mimik muka. Hal ini kerana bahasa mempunyai hubungan yang amat rapat dengan penuturnya dan bertahannya bahasa kerana penggunaan bahasa dalam masyarakat penuturnya. Oleh sebab itu, perkembangan bahasa sebahagian besarnya bergantung pada penutur kerana penerimaan penutur terhadap sesuatu bahasa itu yang menjadikan bahasa itu terus digunakan dalam masyarakat.

Kajian ini memilih perbualan watak dalam filem P.Ramlee, iaitu *Anak Bapak* yang diterbitkan pada 1968 kerana perbualan yang terdapat dalam filem tersebut bersifat realiti dan berpijak di bumi yang nyata. Bentuk perbualan yang sedemikian menyebabkan filem P.Ramlee mendapat penerimaan yang cukup baik dalam kalangan masyarakat. Wadah penyampaiannya yang mesra masyarakat menjadikan filem *Anak Bapak* sebagai sebuah filem yang digemari penonton. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa bahasa merupakan wadah penting dalam masyarakat kerana fungsinya sebagai penyampai maklumat dan amanat yang ingin diberitahu. Tanpa bahasa, watak dalam filem tersebut tidak mungkin dapat bertukar maklumat dan mesej dalam filem tersebut tidak mungkin diterima baik oleh penonton. Hal ini kerana, perbualan juga merupakan asas kepada sesebuah cerita yang berperanan sebagai alat penyampaian mesej kepada khalayak penonton.

Perbualan dalam filem untuk menyampaikan cerita menunjukkan adanya pergantian pemeran semasa bertukar maklumat. Pergantian pemeran ini disebabkan perbualan yang berlaku dalam filem akan melibatkan dua pemeran atau lebih. Dalam masa yang sama, perbualan tersebut berbeza mengikut situasi yang melatari sesuatu perbualan yang berlaku. Walaupun yang mengiringi suatu perbualan tersebut ialah tindak laku pemeran, latar belakang pemeran, latar tempat berlakunya perbualan, namun bahagian utama yang ingin dibincangkan ialah bahasa sebagai medium utama perbualan. Asmah Haji Omar juga turut menyifatkan, nama bagi bunyi yang berentetan yang ada makna yang keluar daripada mulut kita apabila kita bercakap dengan orang lain itu kita sebut bahasa (Asmah Haji Omar,2011; 30).

Perbualan merupakan satu proses yang berstruktur di mana setiap pemeran akan saling bertanya jawab bagi mencapai matlamat perbualan. Proses yang berlaku dalam perbualan ini sama ada dirancang atau tidak yang secara tidak langsung mewujudkan struktur perbualan. Struktur perbualan yang memaparkan suatu perbualan itu mempunyai aturan atau binaannya yang tersendiri. Aturan dan binaan tersebut membantu penyampaian supaya lebih teratur dan bersistem bagi mewujudkan kesalingfahaman antara kedua-dua belah pihak dan akhirnya mencapai persetujuan.

Persetujuan antara dua pihak dalam perbualan tercapai apabila kedua-dua belah pihak mencapai kata sepakat. Di sini, terlihat kepentingan dan fungsi bahasa dalam menghubungkan masyarakat bahasa. Fungsi dan peranan bahasa itu sendiri telah memperlihatkan kepentingannya dalam masyarakat, iaitu bahasa sebagai alat untuk menyatakan fikiran, bahasa sebagai kegiatan yang bermakna, bahasa sebagai sistem lambang yang dihasilkan oleh alat ujaran manusia, bahasa sebagai sistem lambang yang

arbitrari dan fleksibel dan bahasa sebagai alat komunikasi (Asmah Haji Omar, 2011; 33-38). Berdasarkan fungsi dan peranan yang disenaraikan, ternyata bahasa juga merupakan satu wadah penyampaian yang berkesan.

Dalam kajian perbualan ini, tumpuan akan dilakukan terhadap peranan bahasa yang mempunyai struktur dalam perbualan. Hal ini kerana, perbualan yang dilafazkan secara bergilir antara pemeran yakni penutur dan pendengar dalam menyampaikan suatu. Jika mesej yang disampaikan difahami oleh kedua-dua belah pihak dalam perbualan maka wujudlah kesalingfahaman. Kesalingfahaman terhadap mesej dalam perbualan tersebut yang menyebabkan suatu perbualan lebih panjang dan berjaya mencapai matlamat perbualan. Apabila berlaku kesalingfahaman ini yang menyebabkan sesuatu perbualan itu boleh disifatkan sebagai wacana kerana wujudnya keteraturan fikiran.

Perbualan juga merupakan sub bidang dalam wacana yang boleh hadir dalam bentuk perenggan atau teks atau unit bahasa yang paling kecil juga boleh disifatkan sebagai wacana jika menunjukkan hubungan antara satu kata dengan kata yang seterusnya. Hubungan yang wujud antara jalinan kata ini akan mencetuskan makna yang difahami dan seterusnya timbul pertukaran maklumat dalam perbualan. Perbualan juga boleh disifatkan sebagai wacana kerana penggunaan bahasa perbualan merujuk kepada perbincangan atau pertukaran idea secara lisan. Perbincangan dan pertukaran idea ini menunjukkan berlakunya ambil giliran dalam perbualan kerana kata pertukaran dalam percakapan membawa maksud beralih atau memperkatakan hal lain.

Bahagian wacana yang akan dibincangkan dan dianalisis dalam kajian ini ialah perbualan watak dalam filem yang lebih bersifat realisme. Data perbualan watak akan dianalisis dengan melihat struktur perbualan antara watak dalam filem *Anak Bapak*. Penguraian kajian yang bertitik tolak daripada kerangka struktur perbualan yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2010) dan juga tambahan pendapat daripada Adrian Akmaiyan (1997) dan Idris Aman (2010).

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian perbualan merupakan sub bidang dalam wacana yang membincangkan berkenaan proses perbualan yang berlaku secara berstruktur walaupun tidak sama sekali dirancang oleh pemeran perbualan. Dalam kajian ini, pengkaji akan memanfaatkan perbualan yang berlaku dalam filem *Anak Bapak* (1968) yang memberi tumpuan pada bahasa lisan atau bahasa percakapan. Asmah Haji Omar mengatakan bahawa wacana ialah unit bahasa melebihi batas ayat dan wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, siri buku, atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akliah di dalamnya (Asmah Haji Omar, 1980:11). Oleh hal yang demikian, perbualan dalam filem *Anak Bapak* (1968) dimanfaatkan kerana membentuk kesatuan yang mempunyai hubungan akliah antara perbualan terdahulu dan perbualan seterusnya.

Selain itu, ahli bahasa yang lain juga turut mempunyai pandangan sendiri tentang wacana atau *discourse*. Misalnya, Crystal (1992) juga mendefinisikan wacana sebagai renggangan bahasa yang berkesinambungan (khususnya bahasa lisan) yang lebih besar daripada ayat, lazimnya membentuk satu unit yang berkesatuhan seperti khutbah, hujah, jenaka, atau cerita (Idris Aman, 2010:11). Berdasarkan pengertian yang diberikan, wacana boleh dikatakan sebagai peringkat yang melebihi tahap ayat di mana wacananya boleh hadir dalam bentuk percakapan, bab dalam buku, perenggan dalam karangan selagi wujudnya hubungan logik antara satu maklumat dengan maklumat seterusnya.

Jika menurut pandangan Crystal (1992), wacana lebih merujuk kepada bahasa lisan maka kajian perbualan watak dalam filem melibatkan data yang berbentuk lisan. Bahasa lisan ini yang diambil daripada perbualan watak dalam filem *Anak Bapak* (1968) yang mengambil kira pergerakan perbualan antara pemeran. Hal ini kerana, perbualan dalam filem *Anak Bapak* (1968), tidak sepenuhnya bergantung pada skrip tetapi lebih kepada keupayaan pelakon dalam bercakap secara spontan. Skrip filem *Anak Bapak* dengan perbualan dalam filem sebenar mempunyai perbezaan dan ada sesetengah perbualan dalam filem ini terhasil daripada kreativiti pelakon. Tambahan lagi terdapat juga sesetengah babak yang tidak dinyatakan dalam skrip filem tersebut tetapi babak yang maksudkan wujud dalam filem sebenar. Pemilihan ini kerana pengkaji terdahulu seperti J.McH Sinclair memulakan penyelidikan wacananya dengan menggunakan bahan kesusasteraan sebelum meneruskan kajiannya itu di bilik darjah (Asmah Haji Omar, 1980:10). Kajian oleh J.McH Sinclair secara tidak langsung menggolongkan teks skrip filem dalam bahan kesusasteraan yang boleh dijadikan bahan kajian dalam bidang wacana.

Walaupun, bahasa yang digunakan dalam perbualan ini menyalahi hukum dan peraturan tatabahasa kerana tidak tersusun dari subjek dan predikatnya namun, bahasa lisan yang mencerminkan budaya bangsa masyarakat penuturnya. Bahasa yang baik tidak semestinya bahasa yang mematuhi tatabahasa kerana gramatisnya suatu ayat tersebut tetapi bahasa yang baik juga boleh disifatkan pada ayat yang penuh dengan kesopanan dalam berbicara. Kesantunan berbahasa ini dapat digambarkan apabila penutur bahasa tersebut bijak menyusun kata dalam menyampaikan sesuatu dengan begitu berhati-hati supaya tidak menguris hati pihak yang dilawan bercakap.

Kesalahan yang dilakukan oleh penutur hanyalah meninggalkan subjek atau mengubah struktur ayat dipandang amat berat kerana telah melanggar peraturan tatabahasa. Secara umumnya, peraturan bahasa amat dititikberatkan kerana tatabahasa ini merupakan perkara yang perlu dipatuhi dalam penulisan ilmiah namun bentuk percakapan dan perbualan juga merupakan sebahagian daripada kegiatan bahasa yang perlu diambil kira.. Dalam penggunaan seharian ini, penutur telah mengetepikan hukum dan peraturan tatabahasa untuk menyampaikan sesuatu mesej. Oleh hal yang demikian, peranan penutur terhadap sesuatu bahasa itu ialah suatu lakukan yang secara lahiriah serta semula jadi menunjukkan bahawa kesalinghubungan antara penutur dengan bahasa itu dapat dilihat melalui peristiwa bahasa.

Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar, bahasa mempunyai hubungan kebahasaan, iaitu hubungan bahasa dengan masyarakat (Asmah Haji Omar,2010; 72). Beliau mengatakan bahawa kesalahan peraturan tatabahasa tidak dipandang berat sebagaimana kesalahan dalam pertuturan bahasa berikutnya kenyataan beliau, iaitu apabila seseorang itu membuat kesilapan dalam peraturan percakapan, dia dianggap tidak tahu adat, bahkan biadab, tetapi jika dia membuat kesilapan nahu, paling-paling orang tersenyum mendengar kesilapannya (Asmah Haji Omar,2010; 72). Hal ini kerana, seseorang boleh dipandang tidak beradab dan kurang sopan jika bertutur dengan sesuka hati tanpa memikirkan pihak yang dilawan bercakap. Kesalahan nahu ialah kesalahan biasa dan hanya dititikberatkan dalam penulisan lisan manakala kesalahan percakapan boleh menyebabkan pandangan yang tidak baik oleh masyarakat penutur.

Menurut Ahmad Sarji masih belum ada kupasan atau perbincangan tentang P.Ramlee yang bersifat ilmiah dan tidak ada pihak yang mengkaji tentang falsafah dalam mesej filem karyanya (*Utusan Malaysia*, 12 Julai 2002). Secara kesimpulannya, kajian terhadap filem P.Ramlee telah banyak dilakukan tetapi kajian tersebut lebih tertumpu pada aspek lakonan, seni lagu dan kepakaran beliau dalam bidang kepengarahan. Oleh sebab itu, kajian ini akan membincangkan struktur perbualan yang berlaku dalam filem *Anak Bapak* berdasarkan perbualan yang berlaku dalam filem tersebut. Kajian-kajian sebelum ini juga pernah menyentuh berkenaan struktur perbualan tetapi data yang digunakan kebanyakannya daripada perbualan yang dirakamkan seperti Don H.Zimmerman (1992) yang mengkaji struktur perbualan dalam panggilan kecemasan 999 dan Tsuda (1980) yang mengkaji perbualan dalam aspek pelancongan yang melibatkan pelancong yang berlainan bahasa budayanya.

Kajian terdahulu berkenaan struktur perbualan dan berkenaan filem P.Ramlee telah banyak dilakukan namun kajian struktur perbualan yang mengetengahkan filem sebagai bahan yang diolah masih lagi belum ditemui. Bertitik tolak daripada hal sedemikian, pengkaji ingin melihat sejauh mana berlakunya struktur perbualan dalam filem sedangkan sifat perbualan dalam filem adalah berdasarkan perbualan yang diaturkan oleh penulis skrip filem. Secara umumnya, perbualan watak dalam filem bertitik tolak daripada apa yang tertulis dalam skrip filem tetapi audio filem yang dipersembahkan oleh pengarah sebenarnya kekreatifan pelakon dalam mengujarkan perbualan secara spontan sehingga bahasa dalam filem ini juga tidak ada bezanya dengan dalam perbualan yang dirakam. Hal ini kerana, bahasa perbualan dalam filem ini juga berlaku tanpa dirancang tetapi berlaku secara semula jadi tambahan lagi filem *Anak Bapak* bertemakan kehidupan masyarakat sehari-hari.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti struktur perbualan dalam filem *Anak Bapak*.

- ii. Menjelaskan struktur perbualan filem *Anak Bapak*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian struktur perbualan ini mengetengahkan filem sebagai bahan dalam menganalisis kajian. Secara tidak langsung, kepentingan kajian ini ialah untuk memberi satu sumbangan dalam bidang wacana yang subnya ialah struktur perbualan. Bahasa dalam filem melibatkan masyarakat bahasa dan penerbit filem itu sendiri. Kajian sebegini diharapkan dapat memberi panduan kepada penulisan skrip dalam filem supaya lebih peka terhadap struktur perbualan yang berlaku dalam watak secara amnya. Dengan pemahaman tentang unit yang terdapat dalam struktur perbualan secara tidak langsung pertindihan dalam perbualan watak dapat dikurangkan dalam rakaman filem seterusnya.

Dalam masa yang sama, pengguna bahasa dapat melihat keupayaan bahasa dalam mengungkapkan sesuatu. Pengguna bahasa ini yang merujuk kepada masyarakat merupakan penutur bahasa yang menggunakan medium bahasa itu sepenuhnya dalam perbualan sehari-hari. Oleh sebab itu, kajian seperti ini membantu pengguna bahasa dalam penyampaian sesuatu maklumat itu melalui ujaran yang sebaik-baiknya serta mudah difahami. Kajian sebegini yang mengambil contoh bahasa hidup atau bahasa yang secara realitinya wujud dalam penggunaan masyarakat harian. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan data yang digunakan ialah data semula jadi dan sahih kerana benar-benar wujud dalam masyarakat bahasa. Dalam masa yang sama, kajian ini juga menunjukkan bahawa bahasa juga mengambil kira faktor di luar linguistik yang membina sesuatu unsur bahasa itu. Kesatuan sesuatu bahasa itu perlu mengambil kira faktor bahasa dan juga faktor luar bahasa untuk menghasilkan sebuah kesatuan yang bermakna dan jelas penyampaiannya.

Kajian ini juga menyumbang kepada kajian yang melibatkan struktur perbualan dalam medium yang berbeza yakni filem. Perbezaan akan berlaku apabila bahan yang menjadi perbincangan merujuk kepada sesuatu yang bersifat rakaman tetapi turut menampilkan elemen yang sama seperti perbualan semula jadi. Dalam masa yang sama, kajian yang melibatkan struktur perbualan ini juga perlu kerana pengguna dan masyarakat boleh mengetahui bagaimana berlakunya perbualan yang tidak dirancang tetapi mempunyai unit yang membina satu kesatuan yang dinamakan perbualan. Kajian seperti ini menarik minat ahli bahasa untuk meneroka bahasa dalam filem di samping membantu para penggiat filem supaya mempunyai ilmu dalam menyampaikan sesuatu yang menggunakan bahasa sebagai medium utama.

Kajian ini juga membantu masyarakat yakni pengguna bahasa melihat suatu bahasa itu dari sudut ilmiah yang bukan sahaja cerminan budaya tetapi mempunyai struktur yang membinanya. Hal ini kerana setiap bahasa yang ilmiah mahupun tidak, di dalamnya tetap mengandungi elemen linguistik suatu bahasa. Oleh sebab itu, kajian ini diharap dalam menyumbang kepada masyarakat, penggiat filem dan ahli bahasa yang cuba

melihat medium bahasa dalam filem sebagai perantara terbaik untuk memahami pengkarya dan penontonnya. Dalam masa yang sama juga, struktur perbualan dalam filem ini membantu ahli bahasa menggunakan bahasa dalam filem sebagai melihat cerminan budaya bangsa yang secara tidak langsung mempamerkan elemen linguistik di dalamnya.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan filem Melayu yakni filem yang dihasilkan oleh P.Ramlee. Sejarah perfileman negara telah membuktikan bahawa filem arahan dan lakonan beliau cukup mendapat perhatian masyarakat Melayu pada ketika itu dan sehingga ke hari ini. Hal ini demikian berikutan zaman kegemilangan filem Melayu bangkit semula setelah mengalami zaman kemerosotan pada era pertengahan 60-an. Ekoran daripada kemerosotan tersebut telah tertubuhnya Perfima yang diasaskan oleh P.Ramlee, Jins Shamsudin, Jaafar Abdullah dan H.M Shah. Syarikat perfileman yang kedua ditubuhkan selepas Sari Artist ini adalah bertujuan untuk mengendalikan industri perfileman Melayu dengan sendiri (Fauziah Kartini Hassan Basri, Faridah Ibrahim dan Mohd. Safar Hasim,2009;11).

Kesungguhan P.Ramlee ini terbukti apabila kepelbagaian dalam filem beliau cukup diminati dan mendapat tempat di hati peminat. Misalnya dalam kajian ini tumpuan kajian akan berfokuskan pada perbualan watak dalam filem *Anak Bapak* yang telah diterbitkan pada 1968. *Anak Bapak* merupakan sebuah filem komedi yang bersifat kekeluargaan dan realiti masyarakat turut terpamer dalam setiap babak dalam filem ini. Kebolehan watak dalam memainkan peranan mereka dalam setiap perbualan menjadikan jalan cerita mengalir dengan tenang dan berjaya mengulit penonton yang menyaksikannya. Filem *Anak Bapak*, lakonan P.Ramlee yang dibantu oleh pelakon lain seperti Rose Yatimah, A.R. Tompel, Ibrahim Din, Noran Nordin, Ruminah Sidek dan Karim Latif.

Idea asal filem oleh P.Ramlee yang menjadi tunjang pembentukan filem *Anak Bapak* dengan kekuatan skrip filem yang dihasilkan menjadikan filem *Anak Bapak* sesuai untuk tontonan semua lapisan umur. Namun demikian, skrip filem yang diterbitkan oleh *Merdeka Filem Production* ini tidak lengkap sepenuhnya dan ada sebahagian babak telah dihilangkan dari skrip asalnya. Dalam pada itu, walaupun skrip merupakan salah satu elemen yang perlu dalam pembentukan sesebuah filem, namun skrip yang dihasilkan kebiasaannya tidak digunakan oleh pelakon sepenuhnya. Skrip ialah garis panduan bagi pelakon untuk menyampaikan idea cerita yang diarahkan oleh pengarah tetapi dalam masa yang sama, sifat semula jadi dalam penceritaan adalah perlu bagi membentuk sebuah filem yang sempurna.

Secara keseluruhannya, terdapat 78 perbualan dalam filem *Anak Bapak* ini dan sebahagiannya besarnya melibatkan lebih daripada seorang watak dalam situasi perbualan. Hanya sebilangan kecil wacana yang bersifat kenyataan atau untuk tujuan

memberitahu yang menyebabkan tiadanya pihak yang dilawan bercakap dalam situasi berkenaan. Walau bagaimanapun, kajian akan mengenal pasti struktur perbualan yang melibatkan lebih daripada dua pemeran kerana asas perbualan itu menunjukkan adanya penutur dan pendengar. Menurut Asmah Haji Omar, tiap-tiap wacana mesti berlandaskan hubungan antara penutur dengan pendengar dalam bahasa lisan atau penutur dengan pembaca dalam bahasa tulisan (Asmah Haji Omar, 1980; 13). Oleh hal yang demikian, kajian perbualan juga yang perlu menumpukan pada perbualan yang melibatkan lebih daripada seorang peserta kerana tanpa pihak yang dilawan bercakap, sesuatu perbualan itu bersifat tidak sempurna.

1.6 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah dalam kajian ini yang perlu diberikan definisi supaya pemahaman tentang makna dan penyampaian dalam analisis kajian ini lebih tepat dan difahami.

1.6.1 Struktur Perbualan

Struktur merupakan sebuah rangka yang membina sesuatu kesatuan. Komponen yang menjadi unsur pembinaan tersebut perlu diambil kira. Bahasa yang berstruktur ini merujuk kepada bunyi bahasa yang diungkapkan satu demi satu atau sekelompok demi sekelompok yang sejajar dengan alat pertuturan, iaitu satu mengikuti yang lain. Setiap bahasa itu mempunyai strukturnya yang tersendiri dan unsur yang membina struktur bahasa itu dihasilkan satu demi satu secara mendatar. Pengungkapan bahasa secara berstruktur ini membolehkan masyarakat memahami apa yang cuba disampaikan apabila satu bunyi mewakili satu kelompok. Walau bagaimanapun, struktur satu-satu bahasa itu tidak sama dengan bahasa lain kerana terciptanya bahasa itu dipengaruhi dengan adat dan budaya yang membentuk sesuatu bangsa itu.

Perbualan merujuk lakuan sosial yang melibatkan masyarakat sebagai peserta. Inti pati sesebuah perbualan ini yang melibatkan tanya jawab antara dua atau lebih peserta dalam satu-satu masa. Tanya jawab ini seterusnya membawa kepada jujukan percakapan yang berstruktur tanpa disedari oleh peserta. Wadah dalam perbualan ini ialah bahasa dan melalui perbualan kajian bahasa juga dapat meneliti ciri bahasa yang melampaui batas nahu. Tanya jawab ini akan menyebabkan timbulnya percanggahan, persetujuan dan perbahasan seterusnya menjurus kepada peleraian setelah mencapai kata sepakat.

Unsur yang menyebabkan timbulnya sesuatu perbualan dan kandungan sesebuah perbualan yang akan dibincangkan dalam kajian ini untuk melihat proses perbualan yang mempunyai sistem dan struktur. Hal ini kerana, perubahan zaman turut mempengaruhi

perubahan bahasa dalam sesebuah kelompok masyarakat. Malah bahasa dalam satu kelompok adalah berbeza dengan kelompok yang lainnya. Oleh sebab itu, perbualan watak juga menyumbang kepada bidang kajian bahasa dalam menghuraikan aspek yang membina sesuatu perbualan itu yang seterusnya menyumbang kepada perkembangan bahasa dalam sesebuah masyarakat.

1.6.2 Filem

Filem yang dimaksudkan di sini ialah tayangan gambar yang menunjukkan permulaan penceritaan dan diakhiri dengan pelbagai jenis bentuk akhiran yang menyudahkan sesuatu jalan cerita. Tayangan gambar ini menunjukkan bukan sahaja perbualan tetapi juga gerak laku dan suasana dalam sesuatu perbualan diucapkan. Berdasarkan tayangan gambar seperti ini menunjukkan sesuatu bahasa itu adalah dalam bentuk pertuturan dan bukannya tulisan. Dalam tayangan filem ini watak akan berhubungan antara satu sama lain dengan sistem komunikasi yang mewujudkan sama ada persetujuan atau bantahan. Gerak laku dalam filem juga secara tidak langsung akan menyumbang kepada penyampaian makna yang lebih jelas apabila sesuatu peristiwa digambarkan dengan cukup teliti dengan bentuk bahasanya serta bentuk tingkah lakunya. Oleh sebab itu, pemilihan filem dalam kajian ini memfokuskan filem Melayu kerana aspek sosiobudaya juga menyumbang kepada tercetusnya bahasa suatu masa dahulu. Kesinambungan dalam wujudnya suatu bahasa itu sehingga digunakan sampai ke hari ini menunjukkan hubungan rapat antara masyarakat penutur dengan bahasa tidak boleh dinafikan lagi.

Secara keseluruhannya kajian ini akan menganalisis struktur perbualan watak dalam filem dengan berpandukan struktur perbualan yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar dan Adrian Akmaijan. Struktur perbualan ini akan melihat bagaimana sesebuah perbualan itu terbina dan juga mengalami gangguan sehingga perbualan tersebut ditamatkan. Kajian ini juga menggunakan data daripada perbualan watak dalam filem *Anak Bapak* yang mempunyai perbualan bermula dari babak pertama hingga ke yang terakhir. Perbualan antara watak ini akan dilihat dari aspek struktur yang membentuknya kerana terbentuk sesuatu perbualan itu jarang-jarang disedari oleh peserta. Malah elemen dalam struktur perbualan itu sendiri tidak diketahui oleh peserta walaupun ia mempunyai urutan yang sama dalam sebahagian besar perbualan yang berlaku.

Kerangka struktur perbualan yang dikemukakan oleh dua ahli bahasa ini akan dijadikan panduan dalam mengenal pasti jumlah perbualan yang terdapat dalam filem *Anak Bapak* dan seterusnya membincangkannya secara satu persatu elemen yang membentuk sebuah perbualan yang lengkap. Hal ini kerana, setiap perbualan memang bermula dengan penutur tetapi satu-satu perbualan itu mungkin berbeza dari aspek pengambilan giliran, pernyataan tujuan temu duga dan prapenutup. Hal ini kerana bukan kesemua perbualan terdapat prapenutup dalamnya dan ada sesetengah perbualan terus kepada penutup. Perbezaan ini yang menyebabkan timbulnya kajian untuk mengkaji struktur perbualan dalam filem dan kenyataan dalam akhbar utusan yang menyatakan masih tiada lagi

kajian terhadap karya P.Ramlee yang bersifat ilmiah (Utusan Malaysia,2002) . Berikutan kenyataan yang dikemukakan oleh Ahmad Sarji dalam kenyataan beliau, kajian ini bertujuan untuk membincangkan karya P.Ramlee dari aspek ilmiah iaitu menumpukan pada aspek struktur perbualan dalam filem *Anak Bapak*.



BIBLIOGRAFI

- A.Wahab Hamzah. (2003). *Dr. Rusdi dan Jangan Tinggal Daku:Dekadensi Keseniman P.Ramlee*, Seminar Pemikiran Semula P.Ramlee. Sawarak: Kuching.
- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain. (2012). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adrian Akmaiyan et.al. (1997). *Linguistik : Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif.(1998). *Tanya Jawab dalam Novel Salina Karangan A.Samad Said: Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis PhD.Universiti Malaya.
- Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman. (2008). *Sosiolinguistik*. Selangor: Penerbit Pustaka Nusa Sdn. Bhd.
- Ajid Che Kob (terj). (1991). *Etnografi Komunikasi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah haji Omar. (1980, Mac). *Analisis Wacana (Bahagian Pertama)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1980, April). *Analisis Wacana (Bahagian Akhir)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Penggunaan Bahasa dalam Borang: Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan* (Edisi Kedua). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu : Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. (2005). *The Basics Of Social Research. Third Edition*. Belmont : Thomson Wadsworth.
- Barnes, Douglas, James Britton, Harold Rosen and the L.A.T.E.(1976). *Language, The Learner And The School*. Revised Edition, Penguin Papers in Education.
- Becker, A.L. (1976). A Tagmemic Approach to Paragraph Analysis. Dalam Richards L. Graves, *Rhetoric And Composition: A Source-Book For Teachers*. Hayden Book Company Inc.halaman,154-161.
- Berg, B.L (2004). *Qualitative Research Methods For The Social Science*. Fifth Edition. Boston : Pearson.
- Cohen, Robert. (1988). *Theatre Brief Version*. California : Mayfield Publishing Co.
- Crystal, D.(1992). *Introducing Linguistics*. London: Penguins.
- Fauziah Kartini, Hassan Basri, Faridah Ibrahim dan Mohd. Satar Hasim. (2009). *Penontonan Filem Cerek di Malaysia: Tingkah Laku, Cita Rasa, Persepsi dan Harapan*. Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Gay, L.R, Mills, G.E dan Airasian, P. (2009). *Education Research Competencies For Analysis And Applications*. Ninth Edition. London : Pearson.
- Halliday, M.A.K. (1961).Categories of the Theory of Grammar. *Word*, 17. Halaman 241-292.
- Halliday, M.A.K. (1970). Language Structure and Language Function. Dalam John Lyons (ed.) *New Horizons In Linguistics*. Penguin Books.
- Halliday, M.A.K. (1973). *Exploration In the Function of Language*. Edward Arnold (Publishers Ltd.)
- Harris, Zelling S. (1964). Discourse Analysis. Dalam Jerry A Fodor and Jerrold. H. Kat, *The Structure of Language: Readings in the Philosophy of Language*. Prentice Hall Inc. Halaman 355- 383.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Joos, Martin.(1967). *The Five Clocks: A Linguistics Excursion into the Five Styles of English Usage* . A Harbinger Book.
- Kenneth L. Pike. (1983). *Text and Tagmeme*. London: Frances Printer.
- Khairul Aidil Azlin Abd.Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2003). *Idiosyncrasy P.Ramlee dalam Genre Filem Komedi*. 8 Mei 2014, http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20ISOURSE/JOURNAL_4%20PDF/ws4_article3.pdf.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Liddicoat, A.J. (2007). *An Introduction To Conversation Analysis*. London : Continuum.
- Mey, J.L.(1993). *Pragmatics An Introduction*. Oxford : Blackwell.
- Mukhlis Abu Bakar. (2002). *Pengantar Sintaksis dan Semantik Bahasa Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Musdi Haji Shanat. (2003). *Poster Filem P.Ramlee*, Seminar Pemikiran Semula P.Ramlee. Sawarak: Kuching.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P.Ramlee*. Tesis PhD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches. Sixth Edition*. Boston : Pearson.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood.(2008) *Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Sofiah Abu Bakar. (2009). *Perbualan ialah Satu Rentetan Peristiwa: Satu Kajian Kes.* 8 Mei 2014, <http://norsofiahabubakar09.blogspot.com/2009/12/perbualan-ialah-satu-rentetanperistiwa.html>.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim. (September 2012). *Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun*, GEMA Online, Journal of Language Studies Volume 12 (3), Special Section. 29 April 2013,[http://www.ukm.mypblGemaGEMA%20vol%2012%20\(3\)%20Special%20section%202012Vol_12_3_\(849-863\).pdf](http://www.ukm.mypblGemaGEMA%20vol%2012%20(3)%20Special%20section%202012Vol_12_3_(849-863).pdf)
- Rowan Atkinson.(1991). *Laughing Matter*. Tiger Television Production for BBC, MCMXCII, ADVA Pictures.

- Sacks, H. Schegloff, E. & Jefferson, G. (1974). A Simple Systematics for The Organization of turn taking for Conversation ,*Language*. 50:696-735.
- Schiffrin,D. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford: Blackwell.
- Sinclair,d.McH and M.Coulthard. (1975). *Towards An Analysis of Discourse: The English used by Teacher and Pupils*. Oxford University Press.
- Sperber, Dan dan Deirdre Wilson.(1995). *Postface to The Second Edition of Relevance :Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Tsuda.A. (1980). *Sales Talk in Japan and the United State: An Ethnographic Analysis of Contrastive Speech Events*. Washington, D.C: Georgetown University Press.
- Uthaya Sankar SB. (2003). *Formula P.Ramlee Memancing Penonton Kaum India: Panduan Bagi Pengarah Filem Melayu Masa Kini*, Seminar Pemikiran Semula P.Ramlee. Sawarak: Kuching.
- Yati Sumiharti dan Ida Syafrida,S.S. (2004). *Teori Semantik* (Edisi Kedua). Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Yule, G. 1996. *Pragmatics*. Oxford : Oxford University Press.
- Zainuri Misfar. (2002). *Masih Belum Ada Kajian Tentang P.Ramlee Bersifat Ilmiah*, Utusan Malaysia. 8 Mei 2014,http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=200dt_=0712&pub=Utusan_Malaysia&ec=Forum&pg=fo_02.htm.
- Zimmerman, Don H.. (1992). The interactional organization of calls for emergency assistance. Dalam Drew,P. dan Heritage,J. (1992). *Talk at Work: Interaction in Institutional Setting*. New York: Cambridge University.
- Zuraidah Mat Don Dan Knowles, G. (2006). “Prosody And Turn-Taking In Malay Broadcast Interviews ” *Journal Of Pragmatics* 38 : 490-512. Sumber : Science Direct.